

BAB LIMA : PENUTUP

5.1 Rumusan

1. Sa'īd Ḥawwā merupakan seorang pemikir gerakan dakwah Syria dan dunia Islam. Beliau dilahirkan pada hari Jumaat 27 September 1935 bersamaan 29 Jamadil Akhir 1354H di *Ḥayy al-'Alīlīyyat* sebuah perkampungan di Ḥamāh yang merupakan bandar bersejarah di Syria. Beliau meninggal dunia pada hari Khamis 9 Mac 1989 bersamaan 1 Syaaban 1409H di *Musyṭasyfā al-Islāmī*, Amman, Jordan.

2. Beliau dilahirkan pada zaman penjajahan Perancis di Syria dan dibesarkan oleh nenek dan bapanya Muḥammad Dīb Ḥawwā yang dipercayai berasal dari keturunan Rasul s.a.w. Kemiskinan yang dialaminya pada zaman kanak-kanak secara tidak langsung membentuk personaliti Sa'īd Ḥawwā. Beliau mendapat pendidikan awal di *Ṭhanāwīyyah Ibn Rusyd* di samping menelaah kitab dengan ulama Ḥamāh seperti Muḥammad al-Ḥāmid, Sa'īd Na'sān al-Wardī, Sa'īd al-'Abd Allāh, Muḥammad 'Alī al-Murād, 'Adnān Sa'd al-Dīn dan lain-lain lagi.

3. Sa'īd Ḥawwā semakin bertambah matang semasa menjadi mahasiswa di Damsyik. Beliau telah menuntut ilmu dengan pensyarah-pensyarah di Universiti Damsyik seperti Dr. Muṣṭafā al-Sibā'ī, Dr. Muḥammad al-Mubārak, Muṣṭafā al-Zarqā', Muṣṭafā Khān, Munṭaşar al-Kattānī, Umar al-Ḥakīm dan lain-lain lagi. Beliau juga memperolehi ilmu daripada guru-guru halakah yang terdapat di Damsyik seperti 'Umar al-'Ulwānī, 'Abd al-Wahhāb Ḥāfīz Dibs Wa Zayt, Muḥammad al-Hāsyimī, Mullā Ramaḍān al-Būṭī, Ibrāhīm al-Ghalāyīmī, Yahyā al-

Sabbāgh, 'Abd al-Karīm al-Rifā'ī, Hassan Ḥabannakah al-Midānī, Sa'īd al-Burhānī, Ahmad al-Ḥārūn dan Basyīr Qahwuji. Selain itu beliau turut menuntut ilmu dengan guru-guru yang lain seperti 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, 'Abd al-'Azīz bin Bāz dan Wahbī al-Ghāwuji.

4. Selepas menamatkan pengajian, beliau mula memberi sumbangan kepada masyarakat dalam bidang dakwah dan pendidikan khususnya di Ḥamāh, Syria dan Arab Saudi. Beliau menjadi guru di al-Ḥaskah(1961), al-Qāmisylī(1961) dan al-Sulamīyah(1962-1963, 1964-1966). Beliau kemudiannya ditawarkan bertugas di Arab Saudi sepanjang tahun 1966-1971. Beliau menghabiskan dua tahun pertama di al-Huḍayf dan selebihnya di Madinah. Beliau kembali ke Ḥamāh pada tahun 1971 dan bertugas di al-Ma'arrāh sehinggalah beliau di tahan pada tahun 1973 kerana terlibat dalam krisis perlembagaan.

5. al-Ikhwān al-Muslimūn yang terbentuk daripada kombinasi beberapa jamiyah. Pengasas al-Ikhwān al-Muslimūn ialah Muṣṭafā al-Sibā'ī. al-Ikhwān al-Muslimūn di bawah pimpinan Muṣṭafā al-Sibā'ī, menghadapi cabaran pertama berdepan dengan pengharaman pertubuhan pada zaman pemerintahan Ḥuṣni al-Za'im. al-Ikhwān al-Muslimūn kembali aktif pada November 1949 sebagai tunggak kepada *al-Jabīnah al-Islāmīyah al-Isytirākīyah* yang terdiri daripada beberapa pertubuhan Islam dan pertubuhan politik yang lain.

6. Pada zaman demokrasi(1954-1963), al-Ikhwān al-Muslimūn sekali lagi bergerak aktif tetapi barisan kepimpinan mengambil keputusan untuk tidak menyertai pilihanraya dan memberi tumpuan kepada aspek tarbiah. Muḥammad

al-Mubāarak telah bertindak keluar daripada al-Ikhwān dan menyertai pilihanraya 1955.

7. al-Ikhwān al-Muslimūn mula menghadapi pelbagai tekanan daripada parti pemerintah selepas tahun 1964 sehingga ke saat penulisan ini. Konfrontasi pertama berlaku melalui Tragedi Jami' al-Sulṭān 1964. Selepas itu al-Ikhwān berdepan dengan krisis dalaman 1969-1970. Krisis dalaman ini berterusan sehingga tertubuhnya *al-Jabha al-Islāmiyyah* pada 1982. Kemuncak konfrontasi antara al-Ikhwān dengan parti pemerintah adalah pada zaman rejim Ḥāfiẓ Asad, bermula dengan Krisis Perlembagaan 1973 dan berakhir dengan Tragedi Ḥamāh 1982. Selepas tragedi tersebut al-Ikhwān mula mengatur strategi baru untuk berdepan dengan rejim Asad.

8. Sa'īd Ḥawwā adalah salah seorang tokoh yang terlibat secara langsung dalam gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn. Peranan beliau jelas dalam isu-isu penting seperti tragedi Jāmi' al-Sulṭān 1964, krisis dalaman 1969-1970 dan 1986, Krisis Perlembagaan 1973 dan tragedi Ḥamāh 1982.

9. Selepas beliau dibebaskan dari tahanan (1978) beliau meninggalkan Syria dan menetap di Jordan. Sa'īd Ḥawwā mula melibatkan diri dalam kepimpinan al-Ikhwān al-Muslimūn di bawah pimpinan 'Adnān Sa'd al-Dīn (1979-1982). Selepas tragedi Ḥamāh 1982 beliau meletakkan jawatan dari organisasi al-Ikhwān Syria.

10. Sepanjang berada di Jordan, beberapa aktiviti dakwah seperti program Ihyā' al-Rabbānī, mengasaskan Madrasah *l' dād al-Muwajjihīn* dan menjalin hubungan

dengan ulama tempatan. Selain itu beliau telah melakukan beberapa pengembaraan dakwah seperti ke Iraq, Arab Saudi, Pakistan, Afghanistan, Iran, Eropah, Amerika, Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Kuwait dan Mesir. Beliau terus aktif dalam gerakan al-Ikhwān sehinggalah ditimpa penyakit angin ahmar pada tahun 1987. Beliau bersara dari kerja-kerja organisasi atas nasihat doktor dan menghabiskan masanya dengan kerja-kerja penulisan.

11. Sa'īd Ḥawwā merupakan seorang tokoh dakwah yang tersohor. Dakwah beliau berasaskan sumber-sumber al-Quran, hadith, sirah, sejarah Islam, tokoh-tokoh dakwah kontemporari dan pengalaman hidup. Sumber-sumber ini telah membentuk pemikiran dakwahnya.

12. Menurut Sa'īd Ḥawwā, dakwah bertujuan membentuk individu muslim, keluarga muslim, masyarakat muslim, negara Islam, menubuhkan negara Islam di setiap tempat, membentuk sistem khalifah dan menundukkan dunia di bawah pemerintahan Islam. Matlamat tersebut selari dengan matlamat dakwah menurut Ḥassan al-Bannā dan tokoh-tokoh dakwah yang lain seperti al-Mawdūdī, al-Bayānūnī dan Dr. 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd.

13. Pendakwah perlu memiliki syarat-syarat yang tertentu supaya menjadi pendakwah mithali. Mereka perlu mempunyai hubungan yang kuat dengan Allah s.w.t, berpengetahuan luas, berperibadi mulia dan memiliki kemampuan mengajar serta mendapat ijazah daripada wali mursyid. Syarat-syarat ini jelas bertepatan dengan Sa'īd Ḥawwā. Beliau seorang yang kuat berusaha untuk bertaqarrub dengan Allah s.w.t, memiliki ilmu yang luas, berperibadi mulia seperti mencintai

ulama, memberi khidmat kepada penuntut ilmu, pemurah, mengasihi orang mukmin, tawaduk, berani dan tegas.

14. Pendakwah akan menghadapi pelbagai bentuk ujian dan cabaran sepanjang menjalankan dakwah. Sa'id Hawwā merupakan salah seorang di antara contoh pendakwah yang berjaya menghadapi ujian dan cabaran tersebut. Beliau dipenjarakan, di tukar tempat kerja dan terpaksa meninggalkan tanah air. Beliau berdepan dengan cabaran-cabaran tersebut dengan penuh kesabaran serta menggunakan pelbagai pendekatan.

15. Sa'id Hawwā berpandangan penerimaan golongan madu' adalah berbeza antara satu sama lain. Bagi menjamin kejayaan dakwah, pendakwah perlu mempunyai hubungan sosial yang baik dengan golongan sasaran.

16. Uslub dakwah ialah pendekatan dakwah yang digunakan oleh seseorang pendakwah untuk menyampaikan misi dakwahnya. Menurut Sa'id Hawwā qudwah hasanah merupakan uslub yang paling berkesan untuk mempengaruhi *mad'u*. Selain itu terdapat beberapa uslub lain yang menjadi perbincangan Sa'id Hawwā seperti uslub nasihat, uslub berterus terang dan bersembunyi. Uslub-uslub tersebut boleh digunakan oleh pendakwah mengikut kesesuaian.

17. Terdapat pelbagai medium yang boleh digunakan oleh pendakwah untuk menyebarkan Islam seperti penyebaran buku-buku Islam, majalah, surat khabar, risalah kecil, khutbah, ceramah, pengajian umum di masjid dan di rumah, dakwah

Secara individu, ziarah, halakah ilmu dan rehlah. Medium dakwah tersebut boleh digunakan selagimana ianya tidak bertentangan dengan syarak.

18. Gerak kerja dakwah secara kolektif merupakan satu kewajipan semasa berdasarkan kaedah : sesuatu yang tidak sempurna dengannya maka hukumnya adalah wajib. Dakwah secara kolektif menurut Sa'id Hawwā ialah mana-mana gerakan Islam yang memperjuangkan kebenaran mengikut mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Mereka memperjuangkan Islam secara keseluruhannya.

19. Sa'id Hawwā melihat berbilang-bilang jemaah sebagai suatu yang positif selagimana pertubuhan tersebut bermatlamatkan mencari keredaan Allah s.w.t. Beliau berpendapat setiap jemaah mempunyai peranan masing-masing dan pada masa yang sama jemaah-jemaah tersebut mempunyai kelemahannya yang tersendiri. Yusuf al-Qarḍāwī dan al-Bayānūnī adalah di antara tokoh yang sependapat dengan Sa'id Hawwā tentang keharusan berbilang-bilang gerakan Islam selagimana ianya tidak membawa kepada perpecahan.

20. al-Ikhwān al-Muslimūn adalah jemaah Islam yang dipilih oleh Sa'id Hawwā kerana beliau melihat gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn mempunyai ciri yang hampir kepada jemaah Islam. Berdasarkan pengamatan beliau, al-Ikhwān al-Muslimūn berjaya dari sudut pemikiran seperti menyekat pengaruh pemikiran asing. al-Ikhwān juga berjaya dari sudut politik seperti perlaksanaan sistem Islam tetapi mereka lemah daripada sudut tarbiyah.

21. Pengaruh pemikiran dakwah Sa'īd Ḥawwā berkembang melalui pelajar-pelajarnya dan karya-karya beliau. Pengaruh pemikirannya tidak terbatas di Syria, tempat kelahiran beliau tetapi telah merentas ke seluruh dunia termasuk Asia Tenggara. Pemikiran beliau telah menjadi asas organisasi kepada beberapa pertubuhan Islam.

5.2 Penutup

Sa'īd Ḥawwā(1935-1989) : Pemikiran Dakwah dan Kedudukannya Dalam Gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn di Syria merupakan satu kajian terhadap perkembangan al-Ikhwān al-Muslimūn dan pemikiran dakwah Sa'īd Ḥawwā. Penulis telah menghuraikan tentang riwayat hidup Sa'īd Ḥawwā, sejarah dan perjuangan beliau dari lahir sehingga kewafatannya, perkembangan al-Ikhwān al-Muslimūn sejak penubuhan, ujian dan cabaran yang dihadapi serta peranan Sa'īd Ḥawwā di dalam gerakan tersebut. Kajian diakhiri dengan menjelaskan pemikiran dakwah Sa'īd Ḥawwā dan pengaruhnya kepada masyarakat Islam. Di harap kajian ilmiah ini dapat memberi sedikit sumbangan kepada perkembangan dakwah khususnya di nusantara.